



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR

W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX 2024

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

*The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.*

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my/>

Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia

E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada September 2025 / *Published on September 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 3093-7647

Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia, 2024 merupakan survei kali kedua yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Objektif survei adalah untuk mengukur kebahagiaan rakyat di Malaysia. Bermula 2021, survei ini dilaksanakan dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun. Survei ini dibangunkan berdasarkan manual antarabangsa antaranya, *World Happiness Report (WHR)*, *Human Development Index (HDI)*, *OECD Guidelines on Measuring Subjective Well-being*, *Gross National Happiness (Bhutan GNH)* dan *Happy Planet Index*. Selain itu, kajian dalam dan luar juga digunakan sebagai rujukan untuk survei ini. Hasil dapatan survei ialah Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI).

MHI terdiri daripada 13 komponen utama yang digunakan dalam mengukur kebahagiaan. Komponen utama ini dinilai dan diperhalusi hasil daripada beberapa siri bengkel yang telah dilaksanakan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi bagi membangunkan MHI. Pembangunan indeks ini juga turut melibatkan kerjasama dari kementerian, agensi dan ahli akademik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berpengalaman dalam kajian berkaitan kebahagiaan.

Buat julung kalinya pada tahun ini, DOSM telah menghasilkan 16 laporan di peringkat negeri yang turut memaparkan MHI di peringkat daerah pentadbiran. MHI berfungsi sebagai input penting dalam pelaksanaan dan pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) serta menjadi rujukan ahli akademik dan penyelidik dalam kajian berkaitan kebahagiaan rakyat di Malaysia.

Penerbitan ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama memaparkan infografik diikuti bahagian kedua memperihalkan ringkasan penemuan. Bahagian ketiga dan keempat memaparkan jadual statistik dan ralat piawai relatif. Nota teknikal yang mengandungi konsep, definisi dan metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan survei disediakan di bahagian terakhir bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan pada masa hadapan adalah amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

September 2025

The Malaysia Happiness Survey, 2024 is the second survey conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). Objective of the survey is to measure the level of the happiness of the population in Malaysia. Starting 2021, this survey is conducted twice (2) in five (5) years. This survey is developed based on international manuals such as World Happiness Report (WHR), Human Development Index (HDI), OECD Guidelines on Measuring Subjective Well-being, Gross National Happiness (Bhutan GNH) and Happy Planet Index. In addition, external and internal studies are also used as reference for this survey. Outcome of the survey is Malaysia Happiness Index (MHI).

MHI comprised 13 main components that are used in measuring happiness. These key components were evaluated and refined as a result of multiple series of discussions and involvement of ministries and agencies to develop MHI. The development of this index also involves cooperation from ministries, agencies and academics from Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Putra Malaysia (UPM) who are experienced in happiness related studies.

For the first time, DOSM has produced 16 publications at the state level which also feature MHI at administrative district level. MHI serves as an important input in the implementation and achievement of the goals of the Thirteenth Malaysia Plan (13MP) as well as reference for academics and researchers in studies related to happiness in Malaysia.

This publication is divided into five parts. The first part displays the infographic and followed by second part presents a summary of findings. The third and fourth part displays article box followed by statistical tables and relative standard error. Technical notes consist of concepts, definitions and methodologies used in the survey are provided in the last part to facilitate users to understand the published statistics.

The department gratefully acknowledges the cooperation and contribution by all parties in making this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving the future report is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

September 2025

KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka Surat Page
Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	ix
1 Sepintas Lalu MHI <i>MHI at a Glance</i>	3
2 Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	9
3 Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	31
4 Ralat Piawai Relatif <i>Relative Standard Error</i>	37
5 Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	41

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



A Jadual Statistik
Statistical Tables

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

A1	Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen, 2024 <i>W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component, 2024</i>	31
A2	Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan jantina, 2024 <i>W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component and sex, 2024</i>	32
A3	Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan kumpulan umur, 2024 <i>W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component and age group, 2024</i>	32
A4	Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan strata, 2024 <i>W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component and strata, 2024</i>	32



B Ralat Piawai Relatif
Relative Standard Error

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

B1	Ralat piawai relatif bagi Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen, 2024 <i>Relative standard error for W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component, 2024</i>	37
B2	Ralat piawai relatif bagi Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut jantina, 2024 <i>Relative standard error for W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by sex, 2024</i>	38
B3	Ralat piawai relatif bagi Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut kumpulan umur, 2024 <i>Relative standard error for W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by age group, 2024</i>	38
B4	Ralat piawai relatif bagi Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut strata, 2024 <i>Relative standard error for W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by strata, 2024</i>	38



BAHAGIAN 1

PART 1

SEPINTAS LALU MHI

MHI AT A GLANCE



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank




INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR, 2024




SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT

Skor Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024 adalah **7.22** dan berada di tahap **Bahagia**.

Indeks Kebahagiaan Rakyat dibangunkan untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual.



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MENGIKUT KOMPONEN



Sumber: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA


INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR, 2024



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MENGIKUT JANTINA



Lelaki
7.23




Perempuan
7.20


SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MENGIKUT KUMPULAN UMUR

15 - 19 Tahun	20 - 24 Tahun	25 - 29 Tahun
7.44	7.15	7.23
30 - 34 Tahun	35 - 39 Tahun	40 - 44 Tahun
7.30	7.26	7.08
45 - 49 Tahun	50 - 54 Tahun	55 - 59 Tahun
7.20	7.11	6.95
60 - 64 Tahun	65 Tahun dan lebih	
7.25	7.29	

SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MENGIKUT TARAF PERKAHWINAN



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MENGIKUT STRATA



Sumber: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)






W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX, 2024




HAPPINESS INDEX SCORE

W.P. Kuala Lumpur Happiness Index score in year 2024 is **7.22** and is at the **Happy** level.

Happiness Index is developed to measure the happiness level from **physical, social, emotional and spiritual** aspects.



HAPPINESS INDEX SCORE BY COMPONENT




Source: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index, 2024, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX, 2024




HAPPINESS INDEX SCORE BY SEX




HAPPINESS INDEX SCORE BY AGE GROUP



HAPPINESS INDEX SCORE BY MARITAL STATUS



HAPPINESS INDEX SCORE BY STRATA



Source: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index, 2024, Department of Statistics Malaysia (DOSM)





BAHAGIAN 2 *PART 2*

RINGKASAN PENEMUAN *SUMMARY OF FINDINGS*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

PENGENALAN

Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia, 2024 merupakan survei kali kedua dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk mengukur tahap kebahagiaan di Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual. Survei kali ini dilaksanakan bermula Oktober hingga Disember 2024 yang meliputi tempat kediaman persendirian di Malaysia. Penemuan utama survei ini dipaparkan mengikut komponen, jantina, kumpulan umur dan strata.

TAKRIFAN KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA

Kebahagiaan adalah sebuah konsep multi-dimensi yang merujuk kepada kepuasan, perasaan bahagia, kesenangan hidup dan kesejahteraan pelbagai aspek kehidupan individu yang telah digarap bagi pelaksanaan survei ini dari sudut fizikal, sosial, emosi dan spiritual mengikut takrifan berikut:

- Aspek fizikal merujuk kepada kestabilan ekonomi, persekitaran kerja yang kondusif dan pendidikan yang holistik;
- Aspek sosial merujuk kepada perumahan yang selesa dan selamat, tahap kesihatan, keluarga yang harmoni, keselamatan awam dan penyertaan sosial;
- Aspek emosi adalah berkait dengan perasaan seperti bahagia, seronok, kecewa dan sunyi; dan
- Aspek spiritual berkait dengan kerohanian yang berasaskan akal dan agama.

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) menggunakan nilai skor bagi mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia iaitu dari nilai 0.00 hingga 10.00. Pengukuran ini menunjukkan semakin tinggi nilai skor diperoleh semakin baik tahap kebahagiaan rakyat Malaysia. Dalam kajian ini, tahap kebahagiaan rakyat Malaysia dikategorikan kepada lima skor seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Skor Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

SKOR INDEKS	KATEGORI
0.00 - 2.00	SANGAT TIDAK BAHAGIA
2.01 - 4.00	TIDAK BAHAGIA
4.01 - 6.00	SEDERHANA BAHAGIA
6.01 - 8.00	BAHAGIA
8.01 - 10.00	SANGAT BAHAGIA

KOMPONEN DAN INDIKATOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dinilai berdasarkan 13 komponen iaitu keluarga, perumahan dan alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan, kemudahan komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja, pendapatan, keselamatan awam, penggunaan masa, kebudayaan, keagamaan dan kerohanian dan emosi. Indikator bagi setiap komponen dipaparkan di Jadual 2.

Jadual 2: Komponen dan indikator Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

KOMPONEN		INDIKATOR
1.	KELUARGA	a. Hubungan kekeluargaan i. Hubungan dengan pasangan ii. Hubungan dengan ibu bapa iii. Hubungan dengan anak-anak iv. Hubungan dengan adik beradik b. Kestabilan kewangan keluarga c. Keselamatan dalam keluarga
2.	PERUMAHAN DAN ALAM SEKITAR	a. Kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di persekitaran tempat tinggal b. Tahap kebersihan di persekitaran tempat tinggal c. Tiada pencemaran di persekitaran tempat tinggal d. Bayaran sewa kediaman
3.	PENYERTAAN SOSIAL	a. Sokongan sosial daripada komuniti b. Hubungan kejiranan c. Aktiviti sosial
4.	KESIHATAN	a. Tahap kesihatan b. Senaman fizikal c. Pemakanan yang sihat dan seimbang d. Perkhidmatan kesihatan kerajaan e. Rawatan perubatan oleh perkhidmatan kesihatan kerajaan f. Bekalan ubat-ubatan yang dibekalkan (kerajaan) g. Kadar bayaran perkhidmatan kerajaan h. Perkhidmatan kesihatan swasta i. Rawatan perubatan oleh perkhidmatan kesihatan swasta j. Bekalan ubat-ubatan yang dibekalkan (swasta) k. Kadar bayaran perkhidmatan swasta
5.	KEMUDAHAN KOMUNIKASI	a. Capaian internet di tempat tinggal b. Sokongan perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan i. Tempat tinggal ii. Sekitar kawasan tempat tinggal c. Kadar bayaran perkhidmatan telekomunikasi d. Penyediaan Pusat Internet Komuniti di sekitar tempat tinggal
6.	PENDIDIKAN	a. Kualiti penyampaian pendidikan dan keberhasilan i. Institusi pendidikan awam ii. Institusi pendidikan swasta iii. Pembelajaran dalam talian di institusi pendidikan awam iv. Pembelajaran dalam talian di institusi pendidikan swasta b. Tahap keselamatan di institusi pendidikan c. Peluang bagi memasuki institusi pendidikan tinggi d. Pembiayaan perkhidmatan institusi pendidikan tinggi

KOMPONEN		INDIKATOR		
7.	PERSEKITARAN KERJA	a. Keseimbangan kehidupan dan kerjaya b. Perhubungan dengan majikan c. Perhubungan dengan rakan sekerja d. Hak untuk bersuara e. Peningkatan kerjaya f. Bebanan kerja g. Manfaat/ faedah pekerjaan		
8.	PENDAPATAN	a. Pendapatan daripada pekerjaan utama b. Pendapatan daripada pekerjaan tambahan/ sambilan/ sampingan c. Pendapatan setimpal dengan kos sara hidup i. Harga makanan ii. Harga rumah iii. Kos pengangkutan iv. Utiliti asas v. Kesihatan d. Gaji/ upah yang dibayar setimpal dengan i. Tempoh jam bekerja ii. Jenis pekerjaan e. Bebanan hutang f. Jumlah dividen daripada simpanan/ pelaburan		
9.	KESELAMATAN AWAM	a. Tahap keselamatan di kawasan tempat tinggal b. Perkhidmatan keselamatan awam c. Bayaran terhadap perkhidmatan keselamatan awam yang diberi d. Pengawal keselamatan warga asing di kawasan tempat tinggal		
10.	PENGGUNAAN MASA	a. Masa rehat sendiri b. Masa tidur yang mencukupi c. Masa untuk beriadah dan rekreasi d. Masa untuk bersosial e. Masa untuk aktiviti domestik		
11.	KEBUDAYAAN	a. Penglibatan aktiviti kesenian dan kebudayaan b. Penglibatan aktiviti kesenian dan kebudayaan bersama keluarga atau komuniti c. Kadar bayaran yang dikenakan apabila menghadiri aktiviti kebudayaan d. Penerimaan kemasukan Budaya Luar		
12.	KEAGAMAAN DAN KEROHANIAN	a. Amalan kerohanian/ keagamaan b. Aktiviti kerohanian/ keagamaan bersama keluarga c. Aktiviti kerohanian/ keagamaan bersama komuniti d. Sikap hormat menghormati kepelbagaian amalan kerohanian/ keagamaan masyarakat lain e. Pengetahuan kerohanian/ keagamaan f. Hubungan dengan Tuhan g. Hidup yang bermakna		
13.	EMOSI	a. Berminat b. Tertekan c. Teruja d. Sedih e. Kuat semangat f. Rasa bersalah g. Takut	h. Bermusuhan i. Bersemangat j. Bangga k. Mudah marah l. Peka m. Malu n. Terinspirasi	o. Gementar p. Bertekad q. Memberi perhatian r. Gelisah s. Aktif t. Bimbang

Paparan 1: Komponen Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2024




PRESTASI KESELURUHAN INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR


Berdasarkan dapatan survei, prestasi skor Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2024 berada pada tahap bahagia iaitu pada skor 7.22. Secara keseluruhan, kesemua 13 komponen berada pada tahap sederhana bahagia, bahagia dan sangat bahagia antara skor 5.95 hingga 8.26. Analisis mengikut komponen menunjukkan skor indeks tertinggi dicatatkan oleh komponen keluarga iaitu 8.26, diikuti komponen keagamaan dan kerohanian (7.94) dan kesihatan (7.60). Skor indeks terendah dicatatkan oleh komponen kebudayaan dengan skor 5.95.

Selebihnya, skor bagi komponen lain ialah kemudahan komunikasi (7.57), pendidikan (7.53), emosi (7.25), penggunaan masa (7.24), perumahan dan alam sekitar (7.15), persekitaran kerja (7.12), keselamatan awam (7.03), penyertaan sosial (6.59) dan pendapatan (6.13).

Paparan 2: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur, 2024



Paparan 3: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen, 2024



INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR MENGIKUT JANTINA

Skor indeks kebahagiaan lelaki dan perempuan berada pada tahap bahagia. Lelaki merekodkan skor lebih tinggi iaitu 7.23 berbanding perempuan (7.20). Terdapat 6 daripada 13 komponen di mana lelaki mempunyai skor lebih tinggi iaitu kesihatan (7.63), kemudahan komunikasi (7.61), emosi (7.40), perumahan dan alam sekitar (7.19), keselamatan awam (7.07) dan pendapatan (6.18). Selebihnya tujuh komponen iaitu keluarga (8.29), keagamaan dan kerohanian (7.98), pendidikan (7.53), penggunaan masa (7.31), persekitaran kerja (7.13), penyertaan sosial (6.63) dan kebudayaan (5.97) menunjukkan skor indeks kebahagiaan perempuan melebihi lelaki.

Paparan 4: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut jantina, 2024



Paparan 5: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan jantina, 2024


		LELAKI	PEREMPUAN
KOMPONEN			
	Keluarga	8.23	8.29
	Perumahan dan Alam Sekitar	7.19	7.11
	Penyertaan Sosial	6.55	6.63
	Kesihatan	7.63	7.57
	Kemudahan Komunikasi	7.61	7.52
	Pendidikan	7.52	7.53
	Persekitaran Kerja	7.11	7.13
	Pendapatan	6.18	6.06
	Keselamatan Awam	7.07	6.99
	Penggunaan Masa	7.19	7.31
	Kebudayaan	5.94	5.97
	Keagamaan dan Kerohanian	7.90	7.98
	Emosi	7.40	7.06

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR MENGIKUT KUMPULAN UMUR

Skor indeks kebahagiaan mengikut kumpulan umur menunjukkan kesemua kumpulan umur berada pada tahap bahagia dan skor indeks tertinggi dicatatkan oleh kumpulan umur 15 hingga 19 tahun (7.44). Manakala kumpulan umur 55 hingga 59 tahun merekodkan skor terendah iaitu 6.95.

Komponen keluarga merekodkan skor indeks kebahagiaan pada tahap sangat bahagia bagi semua kumpulan umur kecuali 55 hingga 59 tahun yang mencatatkan skor 7.89 iaitu pada tahap bahagia. Sementara itu, empat kumpulan umur berada pada tahap sederhana bahagia antara 5.35 hingga 5.97 bagi komponen pendapatan serta enam kumpulan umur berada pada tahap sederhana bahagia antara 5.36 hingga 5.85 bagi komponen kebudayaan.

Paparan 6: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut kumpulan umur, 2024



Jadual 3: Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia, Kuala Lumpur mengikut komponen dan kumpulan umur, 2024


KOMPONEN	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39	40-44	45-49	50-54	55-59	60-64	65+
Keluarga	8.50	8.29	8.19	8.47	8.44	8.07	8.10	8.18	7.89	8.19	8.18
Perumahan dan Alam Sekitar	6.79	6.96	7.05	7.48	7.39	7.00	7.15	7.05	6.80	7.39	7.29
Penyertaan Sosial	6.49	6.50	6.45	6.71	6.57	6.37	6.34	6.70	6.40	6.79	7.35
Kesihatan	7.91	7.67	7.46	7.85	7.67	7.55	7.44	7.60	7.30	7.35	7.40
Kemudahan Komunikasi	7.78	7.75	7.61	7.69	7.64	7.55	7.55	7.43	7.29	7.27	7.26
Pendidikan	7.45	7.58	8.09	7.60	7.43	7.36	7.42	7.69	7.63	7.29	7.42
Persekitaran Kerja	7.39	6.67	7.03	7.12	7.21	7.09	7.38	6.98	6.96	7.16	7.34
Pendapatan	6.37	5.64	6.17	6.24	6.24	6.23	6.43	5.97	5.61	5.35	6.06
Keselamatan Awam	6.58	7.00	7.35	7.17	7.10	6.98	7.08	6.86	6.64	7.28	7.08
Penggunaan Masa	7.91	6.91	7.16	7.27	6.99	6.98	7.10	6.81	7.06	8.25	8.03
Kebudayaan	6.42	5.69	5.85	5.36	5.74	6.06	6.47	6.12	5.56	5.81	6.35
Keagamaan dan Kerohanian	8.10	7.72	8.18	7.93	8.00	7.66	7.73	7.86	8.22	8.23	8.15
Emosi	7.75	7.47	7.16	7.31	7.41	7.10	7.35	7.25	6.91	6.75	6.73

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT W.P. KUALA LUMPUR MENGIKUT STRATA

Skor indeks kebahagiaan mengikut kawasan bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada pada tahap bahagia dengan skor 7.22 bagi kawasan bandar. Analisis mengikut komponen menunjukkan skor indeks tertinggi yang dicatatkan adalah keluarga iaitu 8.26, diikuti komponen keagamaan dan kerohanian (7.94) dan kesihatan (7.60).

Selebihnya, komponen kemudahan komunikasi direkodkan pada skor 7.57, pendidikan (7.53), emosi (7.25), penggunaan masa (7.24), perumahan dan alam sekitar (7.15), persekitaran kerja (7.12), keselamatan awam (7.03), penyertaan sosial (6.59), pendapatan (6.13) dan kebudayaan (5.95). Secara keseluruhan, kesemua 13 komponen berada di tahap sederhana bahagia, bahagia dan sangat bahagia antara skor 5.95 hingga 8.26.

Paparan 7: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut strata, 2024



Paparan 8: Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan strata, 2024

KOMPONEN		BANDAR	
	Keluarga		8.26
	Perumahan dan Alam Sekitar		7.15
	Penyertaan Sosial		6.59
	Kesihatan		7.60
	Kemudahan Komunikasi		7.57
	Pendidikan		7.53
	Persekitaran Kerja		7.12
	Pendapatan		6.13
	Keselamatan Awam		7.03
	Penggunaan Masa		7.24
	Kebudayaan		5.95
	Keagamaan dan Kerohanian		7.94
	Emosi		7.25

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

INTRODUCTION

The Malaysia Happiness Survey, 2024 is the second survey conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) to measure the level of happiness in Malaysia from the physical, social, emotional and spiritual aspects. This survey was implemented from October to December 2024 covering private living quarters in Malaysia. The main findings of this survey were displayed by component, sex, age group and strata.

DEFINITION OF MALAYSIA HAPPINESS

Happiness is a multi-dimensional concept that refers to the satisfaction, happy feeling, pleasure of life and well-being of various aspects in the individual life that was implemented in this survey from a physical, social, emotional and spiritual terms according to the following definitions:

- The physical aspect refers to economic stability, a conducive work environment and holistic education;
- The social aspects refer to comfortable and safe home, healthiness, harmonious family, public safety and social participation;
- The emotional aspect is related to feelings such as happy, fun, frustrated and lonely; and
- The spiritual aspect is related to spiritual which based on mind and religion.

The Malaysia Happiness Index (MHI) uses score value to measure the level of Malaysia happiness from the value of 0.00 to 10.00. This measurement shows that the higher the score value obtained, the better the level of Malaysia happiness. In this study, the level of Malaysia happiness is categorised into five scores as shown in Table 1.

Table 1: Score of Malaysia Happiness Index

INDEX SCORE	CATEGORY
0.00 - 2.00	VERY UNHAPPY
2.01 - 4.00	UNHAPPY
4.01 - 6.00	MODERATELY HAPPY
6.01 - 8.00	HAPPY
8.01 - 10.00	VERY HAPPY

COMPONENTS AND INDICATORS OF MALAYSIA HAPPINESS INDEX

The Malaysia Happiness Index was measured based on 13 components namely family, housing and environment, social participation, health, communication facilities, education, working life, income, public safety, time use, culture, religion and spiritual and emotional. The indicators of each components is shown in Table 2.

Table 2: Components and indicators of Malaysia Happiness Index

COMPONENT		INDICATOR
1.	FAMILY	a. Family relationship i. Relationship with spouse ii. Relationship with parents iii. Relationship with children iv. Relationship with siblings b. Family financial stability c. Safety within the family
2.	HOUSING AND ENVIRONMENT	a. Facilities and infrastructure provided in residence b. Level of cleanliness in residence c. No pollution in residence d. Rental payment of residence
3.	SOCIAL PARTICIPATION	a. Social support from community b. Neighbourhood relationship c. Social activities
4.	HEALTH	a. Level of health b. Physical exercise c. A healthy and balance diet d. Government health services e. Medical treatment by government health services f. Supply of medicine provided (government) g. Rate of payment of government services h. Private health services i. Medical treatment by private health services j. Supply of medicine provided (private) k. Rate of payment of private services
5.	COMMUNICATION FACILITIES	a. Internet access facilities in residence b. Telecommunication service support provided i. Your residency ii. Around your residency c. Telecommunication service fee rates d. Setting up a Community Internet Center around residence
6.	EDUCATION	a. Quality of educational delivery and the outcome i. Public educational institutions ii. Private educational institutions iii. Online learning at public educational institutions iv. Online learning at private educational institutions b. Level of security in educational institutions c. Opportunity to enter higher educational institutions d. Financing the services of higher education institutions

COMPONENT		INDICATOR		
7.	WORKING LIFE	a. Work life balance b. Relationship with employer c. Relationship with colleagues d. Right to speak e. Career advancement f. Workload g. Benefits/ employment interest		
8.	INCOME	a. Income from the main job b. Income from the extra job/ part-time job/ side job c. Income earned commensurate with the cost of living i. Food price ii. House prices iii. Transportation cost iv. Basic utilities v. Health d. Salary/ wage paid commensurate with i. Duration of working hours ii. Job type e. Debt burden f. Total dividend saving/ investment		
9.	PUBLIC SAFETY	a. Level of security in residence b. Security services c. Payment towards security services given d. Foreign security guards in the area of residence		
10.	TIME USE	a. Rest time b. Adequate sleep time c. Time for leisure and recreation d. Time for social e. Time for domestic activities		
11.	CULTURE	a. Involvement in arts and cultural activities b. Involvement in arts and cultural activities with family or community c. The fee charged when attend cultural activities d. Acceptance of Foreign Culture		
12.	RELIGION AND SPIRITUAL	a. Spiritual/ religious practice b. Spiritual/ religious practice with family c. Spiritual/ religious practice with community d. Respect for the diversity of spritual/ religious practices of other communities e. Spiritual/ religious knowledge f. Relationship with God g. Meaning of life		
13.	EMOTIONAL	a. Interested b. Distressed c. Excited d. Upset e. Strong emotion f. Feel guilty g. Scared	h. Hostile i. Enthusiastic j. Proud k. Irritable l. Alert m. Ashamed n. Inspired	o. Nervous p. Determined q. Attentive r. Jittery s. Active t. Worried

Exhibit 1: Components of Malaysia Happiness Index 2024

PERFORMANCE OF W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX

Based on the survey findings, the performance of the W.P. Kuala Lumpur Happiness Index score in 2024 was at a happy level with a score of 7.22. Overall, all the 13 components were at a moderately happy, happy and very happy level between a score of 5.95 to 8.26. Analysis by component showed that the highest index score recorded was the family which was 8.26, followed by religion and spiritual (7.94) and health component (7.60). The lowest index score was recorded by culture components with a score of 5.95.

The score of the remaining component were communication facilities (7.57), education (7.53), emotional (7.25), time use (7.24), housing and environment (7.15), working life (7.12), public safety (7.03), social participation (6.59) and income (6.13).

Exhibit 2: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index, 2024





Exhibit 3: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component, 2024



W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX BY SEX

The happiness index scores for both males and females are at a happy level. Males recorded a higher score at 7.23 as compared to females (7.20). There were six out of 13 components of which males scored higher namely health (7.63), communication facilities (7.61), emotional (7.40), housing and environment (7.19), public safety (7.07) and income (6.18). The remaining seven components namely family (8.29), religion and spiritual (7.98), education (7.53), time use (7.31), working life (7.13), social participation (6.63) and culture (5.97) showed females happiness index scores were higher than males.

Exhibit 4: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by sex, 2024




Exhibit 5: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component and sex, 2024

		MALES	FEMALES
COMPONENT			
 Family		8.23	8.29
 Housing and Environment		7.19	7.11
 Social Participation		6.55	6.63
 Health		7.63	7.57
 Communication Facilities		7.61	7.52
 Education		7.52	7.53
 Working Life		7.11	7.13
 Income		6.18	6.06
 Public Safety		7.07	6.99
 Time Use		7.19	7.31
 Culture		5.94	5.97
 Religion and Spiritual		7.90	7.98
 Emotional		7.40	7.06

W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX BY AGE GROUP

The happiness index score by age group showed that all age groups were at a happy level and the highest index score was for the age group 15 to 19 years (7.44). Meanwhile, the age group of 55 to 59 years recorded the lowest score, which was 6.95.

Family component recorded a happiness index score at the very happy level across all age groups except for those aged 50 to 59 who recorded a score of 7.89 indicating at the happy level. Meanwhile, four age groups were at the moderately happy level with scores between 5.35 to 5.97 for the income component, while six age groups were at the moderately happy level with scores between 5.36 to 5.85 for the culture component.

Exhibit 6: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by age group, 2024




Table 3: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index, by component and age group, 2024

COMPONENT	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39	40-44	45-49	50-54	55-59	60-64	65+
Family	8.50	8.29	8.19	8.47	8.44	8.07	8.10	8.18	7.89	8.19	8.18
Housing and Environment	6.79	6.96	7.05	7.48	7.39	7.00	7.15	7.05	6.80	7.39	7.29
Social Participation	6.49	6.50	6.45	6.71	6.57	6.37	6.34	6.70	6.40	6.79	7.35
Health	7.91	7.67	7.46	7.85	7.67	7.55	7.44	7.60	7.30	7.35	7.40
Communication Facilities	7.78	7.75	7.61	7.69	7.64	7.55	7.55	7.43	7.29	7.27	7.26
Education	7.45	7.58	8.09	7.60	7.43	7.36	7.42	7.69	7.63	7.29	7.42
Working Life	7.39	6.67	7.03	7.12	7.21	7.09	7.38	6.98	6.96	7.16	7.34
Income	6.37	5.64	6.17	6.24	6.24	6.23	6.43	5.97	5.61	5.35	6.06
Public Safety	6.58	7.00	7.35	7.17	7.10	6.98	7.08	6.86	6.64	7.28	7.08
Time Use	7.91	6.91	7.16	7.27	6.99	6.98	7.10	6.81	7.06	8.25	8.03
Culture	6.42	5.69	5.85	5.36	5.74	6.06	6.47	6.12	5.56	5.81	6.35
Religion and Spiritual	8.10	7.72	8.18	7.93	8.00	7.66	7.73	7.86	8.22	8.23	8.15
Emotional	7.75	7.47	7.16	7.31	7.41	7.10	7.35	7.25	6.91	6.75	6.73

W.P. KUALA LUMPUR HAPPINESS INDEX BY STRATA

Based on the survey findings, the performance of the W.P. Kuala Lumpur Happiness Index score in 2024 was at a happy level with a score of 7.22. Analysis by component showed that the highest index score recorded was the family which was 8.26, followed by religion and spiritual (7.94) and health component (7.60).

Meanwhile, the communication facilities component recorded a score of 7.57, education (7.53), emotional (7.25), time use (7.24), housing and environment (7.15), working life (7.12), public safety (7.03), social participation (6.59), income (6.13) and culture (5.95). Overall, all the 13 components were at a moderately happy, happy and very happy level between a score of 5.95 to 8.26.

Exhibit 7: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by strata, 2024



Exhibit 8: W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component and strata, 2024

COMPONENT	URBAN
 Family	8.26
 Housing and Environment	7.15
 Social Participation	6.59
 Health	7.60
 Communication Facilities	7.57
 Education	7.53
 Working Life	7.12
 Income	6.13
 Public Safety	7.03
 Time Use	7.24
 Culture	5.95
 Religion and Spiritual	7.94
 Emotional	7.25

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



BAHAGIAN 3 *PART 3*

JADUAL STATISTIK *STATISTICAL TABLES*



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Jadual A1 : Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen, 2024

Table A1 : W.P. Kuala Lumpur Happiness Index by component, 2024

Komponen <i>Component</i>	2024
Jumlah <i>Total</i>	7.22
Keluarga <i>Family</i>	8.26
Perumahan dan Alam Sekitar <i>Housing and Environment</i>	7.15
Penyertaan Sosial <i>Social Participation</i>	6.59
Kesihatan <i>Health</i>	7.60
Kemudahan Komunikasi <i>Communication Facilities</i>	7.57
Pendidikan <i>Education</i>	7.53
Persekitaran Kerja <i>Working Life</i>	7.12
Pendapatan <i>Income</i>	6.13
Keselamatan Awam <i>Public Safety</i>	7.03
Penggunaan Masa <i>Time Use</i>	7.24
Kebudayaan <i>Culture</i>	5.95
Keagamaan dan Kerohanian <i>Religion and Spiritual</i>	7.94
Emosi <i>Emotional</i>	7.25

Jadual A2 : Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan jantina, 2024

Komponen Jantina	Jumlah <i>Total</i>	Keluarga <i>Family</i>	Perumahan dan Alam Sekitar <i>Housing and Environment</i>	Penyertaan Sosial <i>Social Participation</i>	Kesihatan <i>Health</i>	Kemudahan Komunikasi <i>Communication Facilities</i>	Pendidikan <i>Education</i>
Lelaki	7.23	8.23	7.19	6.55	7.63	7.61	7.52
Perempuan	7.20	8.29	7.11	6.63	7.57	7.52	7.53

Jadual A3 : Indeks Kebahagiaan Rakyat W.P. Kuala Lumpur mengikut komponen dan kumpulan umur, 2024

Komponen Kumpulan Umur	Jumlah <i>Total</i>	Keluarga <i>Family</i>	Perumahan dan Alam Sekitar <i>Housing and Environment</i>	Penyertaan Sosial <i>Social Participation</i>	Kesihatan <i>Health</i>	Kemudahan Komunikasi <i>Communication Facilities</i>	Pendidikan <i>Education</i>
15 - 19	7.44	8.50	6.79	6.49	7.91	7.78	7.45
20 - 24	7.15	8.29	6.96	6.50	7.67	7.75	7.58
25 - 29	7.23	8.19	7.05	6.45	7.46	7.61	8.09
30 - 34	7.30	8.47	7.48	6.71	7.85	7.69	7.60
35 - 39	7.26	8.44	7.39	6.57	7.67	7.64	7.43
40 - 44	7.08	8.07	7.00	6.37	7.55	7.55	7.36
45 - 49	7.20	8.10	7.15	6.34	7.44	7.55	7.42
